



اوتيم تكنولوجي مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

Info

USAHAWAN

Usahawan Pemacu Ekonomi Mapan

Edisi 30

ISSN 1823-6421

BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UiTM CAWANGAN TERENGGANU

Program Affiliate Boleh Menjana Pendapatan Sampingan dengan “Menjual Barang Orang Lain”

Rashid Salleh¹, Farhan Faat¹, Nakia Nordin¹,

¹Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, Permatang Pauh, Penang.

Koresponden: farhanfaat@uitm.edu.my di shopee,

Pernah kah anda mendengar affiliate program?...Apakah perasaan anda apabila menerima sejumlah wang komisen dimasukkan kedalam akaun bank setelah menjual barang hanya menggunakan telefon mudah alih?... Bagaimana pula jika hasil pendapatan anda ini tidak melibatkan apa-apa kos pembelian dan lebih mudah berbanding bisnes online yang lain?...Disini kami hendak kongsi sesuatu yang dikenali sebagai program affiliate atau pun dikenali sebagai *affiliate marketing* didalam menajan pendapatan sampingan. Affiliate marketing merujuk kepada satu kaedah untuk menjana pendapatan online sebagai seorang ejen pemasaran yang tugasnya adalah mempromosikan produk, servis atau jenama tertentu. “*Affiliate Marketing*” dalam perkataan yang mudah, “Menjual Barang Orang Lain”. Konsepnya seperti salesman, anda bekerja di bawah satu syarikat, jual produknya dan anda dapat komisen. Tetapi dalam konteks affiliate, anda hanya mempromosikan sesuatu produk di dalam internet, dan ‘produk’ itu boleh jadi barang fizikal, software, membership, hotel booking dan banyak lagi. Agen affiliate atau dikenali sebagai affliater mempunyai id individu yang berbeza jadi melalui id inilah pihak syarikat boleh mengenalpasti siapa yang membuat jualan. ID ni biasanya akan diberikan oleh pihak syarikat. Program ini merupakan satu sistem pemasaran yang menggunakan komisen sebagai keuntungan daripada jualan yang dilakukannya. Maka, bagi memudahkan pemahaman anda, contoh affiliate yang akan digunakan adalah *pay per sale*, iaitu marketer di bayar atas penjualan yang berlaku melalui link affiliate anda. Ianya merupakan salah satu teknik memasarkan dan mengiklankan produk di internet dan anda sebagai orang tengah (agen) mempromosikan produk orang lain melalui link affiliate dan akan mendapat komisen dalam jumlah tertentu jika ada orang membeli produk tersebut melalui link affiliate anda. Keuniknya program Affliate disini

adalah link yang anda sediakan terdapat nama akaun anda dan dari situlah syarikat akan tahu siapa yang mempromosikan produk tersebut. Erti kata lain, jika rakan anda mahu membeli produk contohnya di shopee, anda hanya minta klik pada link yang anda dapat daripada shopee dan anda akan dapat komisen. Perlu diingati bahawa satu produk satu link, maksudnya, setiap produk menghasilkan link yang berbeza-beza dan setiap jualan yang menggunakan link affiliate kita, maka kita akan dapat komisenya. mudah kan?



Sumber : <https://www.authorityhacker.com/how-to-become-affiliate-marketer/>

Didalam sistem affiliate terdapat 3 pihak yang terlibat;

i. Pemilik produk atau penjual

Pemilik produk ini boleh jadi merupakan orang perseorangan ataupun merupakan sebuah syarikat yang besar. contoh syarikat seperti Lazada, Shopee, Zalora, dan banyak lagi. Mereka menganjurkan program affiliate dan membuka peluang kepada orang ramai untuk menjana pendapatan bersama mereka.

ii. Affiliater

Merujuk kepada individu yang berminat untuk menjadi agen yang mempromosi bagi sesebuah jenama ataupun produk. Sebagai seorang ejen affiliate, akan dibayar apabila usaha pemasaran yang dilakukan itu berjaya membuahkan hasil jualan,

iii. Pelanggan

Pelanggan merupakan individu terpenting dalam ekosistem yang membenarkan sistem dan program affiliate. Dengan adanya pelanggan yang membuat pembelian barulah ejen affiliate boleh menerima komisen dan pemilik produk membuat keuntungan atas jualan.

Program affiliate sebuah program menjana pendapatan yang boleh disertai oleh sesiapa sahaja. Ianya begitu fleksibel dan tak memerlukan masa yang terlalu lama untuk dilakukan. Dalam sehari, cukup sekadar anda memperuntukkan satu atau dua jam untuk lakukan kerja-kerja pemasaran. Jika anda sudah mempunyai kerja hakiki, boleh jadikan program affiliate ini sebagai

part time. Atau pun sementara mendapatkan kerja yang sebenar boleh menjadi affiliater dan menghasilkan pendapatan. Ini kerana, focus sebagai affiliater hanyalah dalam membuat kerja-kerja pemasaran secara alam maya. Jika berkemampuan, untuk buat kerja pemasaran secara lebih efektif boleh gunakan iklan berbayar seperti FBAds atau Google Adwords untuk membantu.

Selama ini anda mungkin tak perasan, ataupun buat endah tak endah dengan halaman mengenai program Affiliate yang ada dimana-mana website. Justeru, saya harap melalui perkongsian disini, membantu bahawa ada banyak laman web yang sebenarnya turut membuka peluang kepada orang ramai untuk jana pendapatan. Di internet terdapat mungkin beratus-ratus atau mungkin beribu-ribu laman web yang menawarkan program affiliate untuk disertai. Ianya juga tak terhad kepada program affiliate yang ditawarkan oleh syarikat di Malaysia sahaja. Jika anda ingin bersaing diperingkat antarabangsa jugak tiada masalah. Mungkin anda boleh sertai program affiliate Amazon dan mula jana komisen dalam matawang USD menarik, bukan?

Rujukan

1. <https://www.sabreehussin.com/apa-itu-affiliate-marketing/>
2. <https://glints.com/id/lowongan/apa-itu-affiliate-marketing/#.Y6pnOnZBzIU>

